


Rabu, 8 April 2020 | 5:02pm



Topeng muka digunakan sebagai langkah pencegahan wabak coronavirus. - Foto NSTP/Hasriyasyah Sabudin

KPDNHEP terima 165 aduan sepanjang PKP di Sarawak

Oleh Melvin Joni
bhnews@bh.com.my

KUCHING: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak menerima 165 aduan daripada orang awam dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga semalam.

Daripada jumlah itu, 59 aduan adalah membabitkan topeng muka serta cecair pembasmi kuman (hand sanitizer).

KPDNHEP Sarawak membuat pemeriksaan terhadap sebuah premis perniagaan di sekitar Jalan Song, di sini semalam kerana dikatakan menjual topeng muka pada harga tinggi.

Justeru, satu Notis Seksyen 21, Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011 telah diserahkan kepada pemilik premis berkenaan, katanya dalam kenyataan, hari ini.

Siasatan akan dijalankan dan sekiranya didapati peniaga menaikkan harga yang tidak munasabah dan melebihi paras harga kawalan, tindakan akan diambil di bawah Seksyen 11, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

Peniaga yang didapati bersalah boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya bagi individu.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/674628/kpdnhep-terima-165-aduan-sepanjang-pkp-di-sarawak>

